

28 OCT 2003

Rafidah-Timbalan

RAFIDAH YAKIN ABDULLAH TAK TUNGGU LAMA UMUM TIMBALAN PM

KLANG, 28 Okt (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata beliau berpendapat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak akan mengambil masa yang panjang untuk mengumumkan siapa yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Saya tidak rasa Datuk Seri Abdullah akan tunggu lama. Kita nak mentadbir negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Ohtsuki Seiko (M) Sdn Bhd di Bandar Puncak Alam dekat sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau berharap semua pihak akan memberikan peluang kepada Abdullah untuk mengumumkan timbalannya pada masa yang difikirkan sesuai.

"Terpulanglah pada Datuk Seri Abdullah bila masa dia dapat wahyu, dapat ilham nak umum, biarlah dia umum," katanya ketika ditanya mengenai tumpuan umum yang kini diberikan terhadap siapa yang bakal mengisi jawatan itu nanti.

Abdullah dijadual mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Jumaat ini apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur selepas berkhidmat selama 22 tahun.

Rafidah berkata walaupun nama Timbalan Perdana Menteri tidak diumumkan dengan segera, Abdullah sebenarnya masih boleh mentadbir negara kerana "jentera kerajaan tetap berjalan dan seluruh anggota kabinet menyokong Perdana Menteri."

Beliau juga meminta ketiga-tiga Naib Presiden Umno iaitu Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Haji Mohd Taib berpegang pada janji mereka untuk tidak mencabar sesiapa saja yang dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Peganglah janji itu. Jangan sesekali kita dimakan sumpah," katanya.

Rafidah berkata usaha melobi dan mempromosikan calon perlu dihindarkan.

"Kerja lobi melobi jangan jadikan budaya kerana jawatan ini bukan diminta-minta tetapi jawatan ialah satu anugerah yang memerlukan kita memikul tanggungjawab yang besar," katanya.

Katanya beliau juga telah mengingatkan anggota Wanita Umno agar tidak terlibat dalam sebarang usaha melobi jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Saya sudah berpesan kepada Wanita, jangan mengada-ngada hendak tolong melobi. Kalau nak melobi, lobi BN dan Umno untuk menang (dalam pilihan raya)," katanya.

Rafidah berkata Wanita Umno akan menyokong pilihan Abdullah.

-- BERNAMA

LES MAI